



Harian Metro 8 Jan 2014

18

Setempat

A

# 'Utama pekerja kita'

## Restoran makanan segera tak dibenar gaji warga asing

Oleh Hayati Ibrahim  
ya\_t@mediaprima.com.my  
Putrajaya

**S**emua restoran berkonsep makanan segera tidak akan dibenarkan menggaji pekerja asing dan langkah itu bertujuan memberi keutamaan kepada rakyat tempatan mengisi kekosongan pekerjaan itu.

Perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-Pati) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Mesyuarat hampir tiga jam itu turut dihadiri Menteri Dalam Negeri (KDN) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hasan Malek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Ya-

akob serta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan urus setia JKKPA-Pati, sehubungan itu, pengusaha restoran berkonsep makanan segera adalah disarankan untuk mengambil dan menggaji pekerja tempatan.

"Kerajaan memandang serius perkara ini memandangkan masih ramai rakyat tempatan yang berminat bekerja di restoran makanan segera.

"Kemahiran memasak bagi restoran makanan segera adalah tidak tinggi dan sukar berbanding restoran biasa yang menghidangkan pelbagai makanan atau masakan kerana kaedah penyediaan mudah dipelajari melalui latihan," katanya.

Menurut kenyataan itu, bidang pekerjaan di restoran makanan juga menjadi pilihan dan tarikan rakyat tempatan terutama golongan muda, lepasan sekolah dan pelajar Institut Penga-

jian Tinggi untuk mendapat pendedahan serta sumber pendapatan sama ada secara separuh atau sepenuh masa dalam bidang pemakanan.

Unit Komunikasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan menakrifkan restoran makanan segera sebagai restoran yang menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan cepat sebagai contoh seperti McDonald, Burger King dan KFC.

Berbeza dengan restoran seperti Kopitiam atau Starbucks yang tidak dikategorikan sebagai restoran makanan segera kerana mempunyai perkhidmatan pelayan.

Sementara itu, jawatankuasa turut menimbang dan bersetuju memanjangkan mekanisme kerajaan dengan kerajaan (G to G) dengan Bangladesh yang sedang dilaksanakan sekarang untuk turut dipakainya oleh kerajaan Sarawak bagi mengisi kekosongan dalam sektor perla-

dangan sawit di negeri itu.

Katanya, langkah itu diambil selepas melihat kesan positif pelaksanaan mekanisme itu di Semenanjung Malaysia.

"Kaedah kawalan kemasukan, tapisan keselamatan dan saringan kesihatan kedua-dua negara dilihat suatu perkara sistematik dan mampu menangani masalah yang sering timbul berhubung penggajian pekerja asing," katanya.

Sementara itu, majikan yang mendakwa ditipu ejen atau orang tengah semasa Program 6P diingatkan supaya hadir ke Pusat Kelulusan Setempat (OSC) KDN supaya permohonan mereka boleh diteliti sebelum Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) tamat pada 20 Januari ini.

Katanya, majikan diminta hadir lebih awal di OSC bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

"Selepas program ini tamat, kerajaan akan memastikan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih tegas dan berterusan supaya keselamatan serta ketenteraman awam terjamin," katanya.

**FAKTA**  
Rakyat tempatan masih minat bekerja di restoran makanan segera

pg. 4 NST 8 Jan 2014

WEDNESDAY, JANUARY 8, 2014

# Foreign worker ban in fast-food outlets

**PRIORITY:** Hire locals as they are keen to work in the sector, urges Muhyiddin

**AZURA ABAS**  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**A**S the number of locals interested in working in the fast-food industry picks up, foreign workers are relegated to other sectors.

For this reason, the Cabinet Committee on Foreign Workers and Illegal Immigrants agreed yesterday that all fast-food and similar concept restaurants must give priority to hire locals.

"The operators are not allowed to hire foreign workers because many locals are keen to work in fast-food restaurants.

"The growing interest among local job-seekers can be attributed to the less demanding cooking skills needed in fast-food outlets.

"The skills needed in these outlets can be learnt," said the committee in a statement issued after its meeting chaired by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday.

In this respect, the jobs at such outlets had attracted many locals, including youths, school-leavers and university students, who wanted to earn extra pocket money and gain work experiences, either as part-time or full-time employees.

Domestic Trade and Consumer



Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin chairing the Cabinet Committee on Foreign Workers and Illegal Immigrants' meeting in Putrajaya yesterday. Pic by Fariz Iswadi Ismail

Affairs Ministry's communication unit had defined a fast-food outlet as a business facility preparing fast-food services, such as McDonald's, Burger King and KFC. This classification does not apply to food-and-beverage outlets that hired waitresses, such as Kopitiam or Starbucks.

On Dec 27, 2011, the government had announced that it would allow foreign workers to be employed as croupiers, newspaper vendors, grass-cutters as well as house and vehicle cleaners.

They could also be employed by workshops. They are also allowed to work in mining/quarrying, mangrove-logging, food beverage businesses and fast-food sector.

The sub-sectors relaxed for their employment are scrap metal, cargo-handling, welfare home, spa/reflexology, hotel, golf caddy, laun-

dry, barber, goldsmith, wholesale as well as retail and textile business.

The committee had also decided to extend the Bangladesh government-to-government mechanism to be used by the Sarawak government to fill the vacancies in the palm oil sector.

"The decision is based on the positive impact when the mechanism was executed in Peninsular Malaysia.

"It is capable of overcoming issues in hiring foreign workers, including in their entry method, security and health screening between both nations," it added.

The committee urged employers who had claimed that they were cheated by agents and middlemen during the recent 6P programme to come forward to the Home Ministry's one-stop centre.

DATE: **8 JANUARY 2014 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **THE SUN – NO FOREIGN FAST FOOD WORKERS- PG.02**

02 | NEWS WITHOUT BORDERS  
theSun ON WEDNESDAY | JANUARY 8, 2014

FOR **BREAKING NEWS** UPDATES  
Log on to... **theSundaily**  
www.thesundaily.my

# No foreign fast food workers

**> Priority to be given to locals to fill such vacancies**

**PUTRAJAYA:** The Special Cabinet Committee on Foreign Workers and Illegal Immigrants (JKKA-PATI) has decided that fast-food concept restaurants will not be allowed to employ foreign workers.

The JKKA-PATI secretariat, in a statement issued after its meeting chaired by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday, said the decision was made to give priority to local residents in filling up such vacancies.

"The government views the matter seriously and fast-food concept restaurant operators have been urged to employ locals who are still interested in working at such places," it said.

JKKA-PATI said cooking in fast-food restaurants was quite routine, as compared to those which needed experience to prepare a wide variety of dishes.

"Fast food restaurants are still popular as a source of employment among young people such as school-leavers and university students to obtain exposure and income, even as part-timers in the food industry," it said.

Also present at the meeting were Home Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Minister Datuk Hasan Malek, Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam, Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Tourism and Culture Minister Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Women, Family and Community Development Minister Datuk Rohani Karim and Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Seri Douglas Unggah Embas. - Bernama